

1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## Buku Aktiviti

# Tadabbur

1

Mengikut Teori  
Kepelbagai Kecerdasan  
(Multiple Intelligence)

Aktiviti menarik  
beserta arahan  
& kertas kerja

Sesuai untuk  
**7-12** tahun

Nama : \_\_\_\_\_

Kelas : \_\_\_\_\_

# Al-Fatihah

## Info Surah

**Surah Fatihah** diturunkan di Mekah dan terdiri daripada 7 ayat. Surah ini disebut al-Fatihah (pembukaan) kerana surah ini adalah pembukaan atau permulaan al-Quran.

Surah ini juga dinamakan "Ummul Quran" (induk al-Quran) atau "Ummul Kitab" (induk Al-Kitab) kerana ia merupakan induk dan intisari bagi isi kandungan al-Quran.

Al-Bukhari mengatakan: "Dinamakan dengan Ummul Kitab kerana surah tersebut menjadi surah pembuka dalam penyusunan mashafnya, dan juga menjadi pembuka pada bacaan dalam solat."

Dinamakan juga "As-Sab'ul matsuani" (tujuh yang berulang-ulang) kerana ayatnya yang tujuh dibaca berulang-ulang dalam solat.

## Aktiviti

1. Jom kenal surah al-Fatihah!
2. Nasyid Surah al-Fatihah
3. Memori Semalam
4. Jom Berlumba
5. Cari Sampai Dapat
6. Lukisan al-Fatihah
7. Lakonan surah al-Fatihah
8. Kraftangan Adab Doa

# Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Segala puji bagi Allah, Rabb alam semesta

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ

Yang menguasai Hari Pembalasan

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Hanya Engkaulah yang kami sembah, dan hanya kepada Engkaulah kami meminta pertolongan

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ


Tunjukilah kami jalan yang lurus

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ  
غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

(Iaitu) jalan orang yang telah Engkau berikan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat

**Jom kenal surah al-Fatihah!**

1. Isikan bilangan bacaan surah al-Fatihah pada setiap waktu solat.
2. Kirakan jumlah keseluruhan bacaan Surah al-Fatihah.

Nama Solat	Jumlah Rakaat
<b>Subuh</b> 	
<b>Zohor</b> 	
<b>Asar</b>	
<b>Maghrib</b> 	
<b>Isyak</b>	

$$\boxed{\phantom{0}} + \boxed{\phantom{0}} + \boxed{\phantom{0}} + \boxed{\phantom{0}} + \boxed{\phantom{0}}$$
**Jumlah Keseluruhan:**  
  
.....

2

## Turutan Wudhu'

Isikan nombor untuk pergerakan turutan wudhu yang betul.



Cuci pergelangan tangan



نَوَّيْتُ الْوُضُوءَ  
لِلَّهِ تَعَالَى

Niat wudhu



Masukkan air ke dalam hidung



Cuci telinga



Sapu air ke kepala



Berkumur



Cuci tangan hingga ke siku



Doa wudhu



Cuci kaki sehingga buku lali



Cuci muka

# 3

## Bahagian wudhu'

Isikan turutan bahagian badan yang digunakan semasa berwudhu'.

